

BNM anjur karnival kewangan dididik orang ramai

BH 20/12

Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama industri kewangan akan menganjurkan karnival bertemakan, 'Utamakan Keperluan Kewangan Anda', bertujuan memberi maklumat dan mendidik orang ramai mengenai hal ehwal kewangan.

Karnival kewangan yang julung kali diadakan itu akan berlangsung selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai 13 Januari 2017.

BNM berkata, karnival itu akan memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan ilmu pengetahuan mengenai keperluan dan perkhidmatan kewangan.

Peluang unik

"Karnival kewangan akan memberi orang ramai peluang yang unik untuk mendapatkan maklumat berhubung produk dan perkhidmatan kewangan serta menjalankan transaksi kewangan.

"Mereka juga boleh mendapat maklumat mengenai inisiatif dan peluang baharu dalam pengurusan perniagaan dan kewangan serta membuat pertanyaan atau mendapatkan nasihat...semuanya di satu tempat," katanya dalam kenyataan hari ini.

Karnival itu akan menyaksikan kira-kira 100 penyedia perkhidmatan kewangan, persatuan dan agensi menawarkan pelbagai perkhidmatan dan produk kewangan untuk keperluan berbeza.

"Ini termasuklah perkhidmatan kaunseling kewangan dan penyelesaian pertikaian serta produk dan perkhidmatan untuk simpanan, pembiayaan, pelaburan, insurans/takaful, pembayaran dan pengiriman wang," kata BNM.

BERNAMA



Karnival kewangan memberi orang ramai peluang unik mendapatkan maklumat berhubung produk dan perkhidmatan kewangan serta menjalankan transaksi kewangan"